

03 JUL 2000

Mahathir-Bumiputera

BUMIPUTERA MESTI PANDAI URUS HARTA, KATA MAHATHIR

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan boleh membantu merapatkan jurang perkongsian kekayaan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dengan syarat Bumiputera mesti belajar bagaimana untuk menguruskan kewangan dan kekayaan mereka.

Pengurusan harta dan kekayaan itu adalah amat penting kerana kegagalan untuk menguasainya akan menyebabkan mereka kehilangan harta berkenaan, katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Beliau ditanya mengenai langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membantu kaum Bumiputera yang dilaporkan masih jauh ketinggalan dari segi perkongsian kekayaan dalam bidang hartanah komersil di negara ini berbanding bukan Bumiputera.

Laporan itu menyebut bahawa Bumiputera hanya menguasai kira-kira 10 peratus daripada hartanah komersil di negara ini.

Presiden Umno itu berkata jurang perbezaan itu berlaku kerana Bumiputera adalah golongan miskin dan kemiskinan telah menyebabkan mereka tidak dapat memiliki banyak harta.

Kaum Bumiputera juga sukar itu membangunkan hartanah mereka kerana sekatan-sekatan seperti tanah rizab Melayu atau "native land" (tanah hak adat Bumiputera) dan lokasi tanah yang membezakan nilai harta kerana kebanyakan tanah Bumiputera terletak di kawasan luar bandar, katanya.

Dr Mahathir memberi contoh satu kaki persegi tanah dalam bandar sama dengan nilai setengah ekar tanah di luar bandar dan jika Bumiputera yang memiliki tanah yang luas di luar bandar, dari segi nilainya di bandar, ia adalah kurang.

Bagaimanapun harapan bagi nilai tanah Bumiputera di luar bandar akan meningkat adalah jika kawasan itu dibangunkan menjadi bandar seperti yang berlaku di Langkawi, katanya.

"Kalau dulu dia (Bumiputera) beli satu ekar (dengan nilai) RM1,000 (di Langkawi), sekarang (nilainya) satu ekar RM250,000 sampai RM500,000... sekarang (keadaan yang sama berlaku ) di Sepang dan di Kajang," jelas beliau.

-- BERNAMA

AFY RON